

Sejarah Islam

Ini adalah bahagian yang kedua dan terakhir kita memperkenalkan sejarah negeri Lubnan. Di dalam bahagian ini kita bawa para pembaca sekalian meninjau ke negeri Lubnan dari segi perkembangan ekonominya yang kuat kukuh, pertanian, ternakan, hasil buminya, perusahaan rakyatnya, perdagangan luarnya, kewangannya dan pelajarannya. –

Pengarang.

Memperkenalkan Negara-negara Islam: tahun 1957 dan hari ini

Tinjauan ekonomi di Beirut telah menjadi ibu kota

Umum: Sebelum Lubnan mencapai perdagangan dan kewangan Timur Tengah. kemerdekaan dalam tahun 1946, ia adalah sebahagian daripada pakatan ekonomi yang lebih besar dengan Syria. Dalam tahun 1950 Lubnan membubarkan pakatan ekonominya dengan Syria dan berjaya berdiri di atas kakinya sendiri. Oleh kerana rakyat Lubnan tidak mendapat cukup makanan daripada ladang-ladang mereka oleh kerana negerinya tidak mempunyai bahan-bahan galian dan bahan-bahan mentah, maka dari zaman datuk moyang mereka, mereka telah terpaksa bergantung kepada perdagangan dan perniagaan. Walaupun mereka menghadapi kesukaran-kesukaran kerana kekurangan-kekurangan seperti yang dikatakan tadi, namun mereka telah bergerak maju dengan cepatnya dalam bidang ekonomi. Taraf hidup rakyat Lubnan adalah lebih tinggi dari taraf hidup rakyat kebanyakan negeri-negeri Arab yang lain. Hasil mahsul negara ialah 1,042 juta Pound Lubnan dalam tahun 1950 dan meningkat kepada 1,503 juta Pound Lubnan dalam

tahun 1957 dan hari ini di Beirut telah menjadi ibu kota perdagangan dan kewangan Timur Tengah.

Pertanian: Pengeluaran pertanian yang penting ialah gandum. Pengeluaran tagi¹ tahun 1961 ialah 72,000 tan. Selain daripada gandum pengeluaran yang penting juga ialah beras Belanda. Pengeluaran setahun ialah kira-kira 25,000 tan. Negeri itu tidak mengeluarkan cukup banyak biji-bijian untuk rakyatnya, dan tepung masih lagi diimportkan dengan banyaknya. Pengeluaran buah-buahan adalah lebih menguntungkan ekonomi negeri itu daripada pengeluaran tepung. Sejak lepas perang pengeluaran limau telah bertambah banyak. Pengeluaran limau telah bertambah daripada 75,000 tan setahun dalam tahun 1948-52 kepada 155,000 tan dalam tahun 1960. Pengeluaran anggur pun telah bertambah dengan banyaknya dalam beberapa tahun yang lampau dan dalam tahun 1960 pengeluaran berjumlah 70,000 tan. Pengeluaran buah-buahan yang lain dalam tahun itu ialah: epal 53,000 tan, zaitun 30,000 tan;

pisang 26,000 tan, tomato 25,000 tan, anjir 20,000 tan. Selain daripada itu aprikot, persik, mempelam dan pir pun ditanam juga. Sayur-sayuran seperti ubi kentang, bawang dan labu pun dikeluarkan juga. Tembakau juga dikeluarkan sedikit sahaja. Dalam tahun 1960, 220,000 orang bekerja dalam ladang-ladang. 95,000 orang sahaja diantaranya bekerja makan gaji. Ini menunjukkan tingginya peratusan orang-orang yang mempunyai ladang.

Binatang ternak: Di Lubnan, menternak binatang adalah suatu perusahaan yang tidak begitu penting, sehinggalah² pengeluaran daripada ladang-ladang binatang temak di Lubnan sangat tinggi mutunya. Suatu keadaan yang menarik perhatian berkenaan dengan perusahaan menternak ialah binatang-binatang ternak itu dipindahkan dari satu daerah ke daerah yang lain mengikut perubahan musim. Dalam tahun 1960 jumlah binatang ternak ditafsirkan sebagai berikut: kambing jati 500,000; kambing biri-biri 75,000 lembu 60,000.

¹ Perkataan sebenarnya adalah bagi.

² Perkataan sebenarnya adalah sungguhpun.

Sejarah Lubnan

Perhutanan: Hutan-hutannya teratur baik tetapi sebahagian besar telah dibinasakan oleh kambing-kambing, dan pokok-pokok Araz lubnan yang masyhur itu telah sangat berkurangan.

Bahan-bahan galian: Sejauh yang diketahui Lubnan tidak mempunyai banyak bahan-bahan galian. Bijih besi dan *lignite* telah digali pada awal kurun ini. Ada timbunan-timbunan bitumen dekat Hasbaya. Sungguhpun banyak penyelidikan telah diselenggarakan, tetapi belum terdapat minyak yang cukup banyak untuk diperdagangkan.

Paip-paip minyak: Dua batang paip minyak yang penting melintangi Lubnan; satu daripada telaga minyak Syarikat Petroleum Iraq di Kirkuk ke laut Tengah di Tripoli dan satu lagi daripada Aramco di Sa'udi 'Arabiyah ke Sidon. Dalam bulan Ogos 1962 perjanjian di antara Tapline dengan kerajaan Lubnan telah di ubah dan Tapline bersetuju menambah bayaran tahunannya kepada kerajaan, kerana membawa minyak melalui negeri itu, memuatkan minyak dan kerana keselamatan, yaitu daripada kira-kira 1.2 juta ringgit kepada kira-kira \$4.5 dan membayar 1.2 juta ringgit kepada kira-kira 4.5 juta ringgit dan membayar 12.5 juta ringgit bagi menyelesaikan tuntutan-tuntutan yang lampau oleh kerajaan.


Perusahaan: Perusahaan membuat barang-barang telah berkembang dengan hebatnya dalam beberapa tahun ini, berbanding dengan kedudukannya di negeri-negeri lain di Timur Tengah. Menurut tinjauan rasmi, dalam tahun 1962 ada kira-kira 5,000

pusat perusahaan yang mengkaji³ kira-kira 21,000 orang dan mempunyai modal kira-kira 500 juta Pound Lebanon. Ini tidak termasuk pusat-pusat perbekalan awam dan perusahaan-perusahaan tangan di kampung-kampung dan tidak termasuk orang-orang yang bekerja dengan syarikat-syarikat seperti Syarikat Petroleum Iraq yang mengkaji⁴ kira-kira 2,500 orang. Ada kilang-kilang tapis minyak yang penting di Sidon dan Tripoli. Selain daripada syarikat-syarikat minyak, syarikat yang banyak sekali menggaji pekerja-pekerja ialah syarikat-syarikat perusahaan memproses makanan, termasuk kilang-kilang biskut dan kilang-kilang gula, diikuti oleh perusahaan-perusahaan menenun kain yang telah berkembang dengan baik. Perusahaan membuat simen adalah satu-satunya perusahaan berat. Dalam tahun 1962 pengeluarannya ialah 854,000 tan.

Perhubungan: semua daerah di negeri

itu dihubungi di antara satu dengan yang lain oleh jalan-jalan raya yang amat baik. Jalan kereta api yang lama sekali ialah dari Beirut melalui gunung-ganang ke Rayiq⁵, dengan sambungan-sambungannya dari situ ke Damsyik dan Homs Hama – Aleppo. Satu lagi jalan kereta api, yang menghubungkan Ras Naqoura dengan Beirut dengan Tripoli telah siap dalam masa Perang Dunia yang Kedua. Sekarang jalan kereta api tersebut digunakan khususnya untuk mengangkut barang-barang. Di Tripoli ia bersambung dengan jalan kereta api Tripoli – Homs Hama – Aleppo. Beirut mempunyai pelabuhan yang amat baik, dalam tahun 1960 bilangan kapal-kapal yang masuk pelabuhan itu ialah 3,015 buah, beratnya 4,420,043 tan. Lapangan terbang antarabangsa di Khaldi, di selatan Beirut, ialah yang paling sibuk sekali di Timur Tengah.

Kuasa letrik: Pengeluaran kuasa



Medan Riad Al Solh di Beirut. Kesibukan Kota Beirut termumpu⁶

di medan yang besar luas ini.

³ Perkataan sebenarnya adalah mengkaji.

⁴ Ibid.

⁵ Perkataan sebenarnya adalah Riyaq.

⁶ Perkataan sebenarnya adalah tertumpu.

Sejarah Lebanon

letrik telah bertambah daripada 147 juta kilowatt dalam tahun 1952 kepada 350 juta kilowatt dalam tahun 1960. Pengeluaran dijangka akan bertambah dua kali ganda dengan pembinaan sebuah pusat letrik baharu, selain daripada rancang usaha di Sungai Litani, yang mana apabila siap, akan mengeluarkan 626 jutakilowatt lagi.

Perdagangan luar: Punca utama hasil mahsul Lubnan ialah eksport dan import, terutama sekali perdagangan perantaraan. 79,000 orang bekerja dalam lapangan perniagaan, pengangkutan dan bank. Eksport bagi tahun 1961 ialah 422.4 juta Pound Lubnan. Import ialah 1,075 juta Pound Lubnan. Eksport utama ialah buah-buahan, kulit bersamak dan simen. Import ialah biji-bijian tepung, kambing

biri-biri dan lembu, bahan-bahan mentah untuk perusahaan, bahan bakar, kayu, jentera dan barang-barang yang telah siap dibuat. Selain daripada perdagangan luarnya sendiri, terdapat perdagangan perantaraan yang maju menerusi pelabuhan bebas di Beirut. Dalam tahun 1961 perdagangan perantaraan berjumlah 830.9 juta Pound Lubnan.

Kewangan: Mata wangnya ialah Pound Lubnan yang dibahagi kepada 100 *Piaster*. Nilai penukaran ialah ££1 *Sterling* = 8.50 Pound Lubnan. \$1 = 2.90 Pound Lubnan. Cagaran emas dan wang asing Lubnan yang berjumlah 55.2 juta ringgit pada akhir tahun 1953 telah bertambah menjadi 204.9 juta ringgit dalam bulan November 1962. Negeri itu tidak mempunyai bank pusat milik negara dan mata wangnya diselenggarakan oleh Bank Syria di Lubnan, sebuah bank yang mempunyai hubungan rapat dengan

Bank Uthmaniyyah dengan pemberian kuasa yang telah berakhir pada tahun 1964. Sebuah bank pusat baharu akan ditubuhkan setelah berakhir kuasa itu. Bagi tahun 1961 belanjawan kerajaan ialah: hasil mahsul 313 juta Pound Lubnan, perbelanjaan 282 juta Pound Lubnan. Kelebihan hasil mahsul 31 juta Pound Lubnan. Oleh kerana takutkan kemelesetan kewangan, dalam tahun 1962 dan 1963 kerajaan memutuskan untuk menambah perbelanjaan. Dalam tahun 1962 hasil mahsul berjumlah 321 juta Pound Lubnan, perbelanjaan 375 Pound Lubnan; kelebihan perbelanjaan 54 juta Pound Lubnan. Dalam tahun 1963 hasil mahsul 361 juta Pound Lubnan, perbelanjaan 424 juta Pound Lubnan, termasuk 145 juta Pound Lubnan kerana pembangunan; kelebihan perbelanjaan 63 juta Pound Lubnan.

Rancangan lima tahun: Dalam bulan Jun 1961 kerajaan meluluskan suatu rancangan lima tahun (1961-66), yang memakan belanja 450 juta Pound Lubnan yang mana 124 juta Pound Lubnan daripadanya akan dibelanjakan bagi membina jalan-jalan raya, 72 juta Pound Lubnan kerana air minuman, 75 juta Pound Lubnan kerana pembinaan semula, 72 juta Pound Lubnan kerana kuasa letrik dan 6 juta Pound Lubnan kerana tali air.

Rancang usaha Sungai Litani: Rancang usaha yang besar sekali yang ada sekarang ini ialah rancang usaha Sungai Litani yang dimaksudkan



Weygand Street, salah satu jalan raya yang terbesar dan sibuk di Kota Beirut.

Sejarah Lebanon

untuk membekalkan kuasa elektrik yang secukupnya bagi negeri itu serta memperluaskan kawasan tanah yang mendapat tali air. Rancang usaha ini dijangka akan memakan belanja kira-kira 100 juta ringgit dan akan siap dalam tempoh 25 tahun. Apabila siapa nanti, tanah yang mendapat tali air akan bertambah luas daripada kira-kira 120,000 ekar kepada 170,000 ekar dan menambah pengeluaran kuasa elektrik sebanyak 626 juta kilowatt. Yang demikian ia akan mengubah sekali kedudukan ekonomi Lubnan dan negeri itu menjadi sebuah negeri perusahaan yang penting.

Kemajuan Pelajaran

Sebelum kemerdekaan kemudahan-kemudahan pelajaran bagi orang ramai disediakan hanya diperingkatkan rendah dan ini sangat kurang kalau dibanding dengan sekolah-sekolah asing dan sekolah-sekolah persendirian. Tetapi sejak kemerdekaan pelajaran bagi orang ramai telah berkembang dengan hebatnya dan sekarang kemudahan-kemudahan pelajaran disediakan dalam semua peringkat persekolahan. Dalam tahun 1959 terdapat 229,100 murid sekolah, termasuk 99,100 murid perempuan, 39,364 murid sekolah menengah, 460 pelajar-pelajar yang sedang berlatih untuk menjadi guru, termasuk 221 orang perempuan, dan 3,999 pelajar di sekolah-sekolah tinggi, termasuk 849 pelajar perempuan. Enam puluh empat buah sekolah baharu telah dibina

dalam kawasan-kawasan luar bandar dalam tahun 1959. Pelajaran percuma diperingkat rendah telah dimulakan pada tahun 1960. Bagi tahun 1960 anggaran perbelanjaan bagi pelajaran ialah 30.8 juta Pound Lubnan atau 19 Pound Lubnan bagi tiap-tiap penduduk.

Pelajaran tinggi diberikan di tiga buah universiti termasuk Universiti Lubnan yang dibina oleh kerajaan dalam tahun 1951.

Latihan kepada bakal guru-guru diberikan di berbagai-bagai peringkat. Suatu kursus dua tahun yang mengikuti pelajaran rendah peringkat atas melatih guru-guru sekolah rendah dan ini boleh diikuti oleh suatu kursus dua tahun yang melatih guru-guru bagi sekolah rendah peringkat atas. Guru-guru sekolah menengah dilatih di maktab perguruan tinggi di Universiti Lubnan. Sebuah sekolah perguruan untuk bakal guru-guru

di kawasan-kawasan luar bandar memberi kursus lima tahun kepada murid-murid yang mempunyai sijil pelajaran rendah, dan melatih guru-guru untuk sekolah-sekolah luar bandar dalam kampung-kampung yang mempunyai penduduk-penduduk kurang daripada seribu orang.

Pelajaran teknikal diberikan khasnya di Sekolah Seni dan Pertukangan Kebangsaan, yang menyediakan kursus tiga tahun dalam lapangan pembinaan, pengurusan, kejuruteraan awam, kejenteraan dan *kimyā'* perusahaan. Ada juga sekolah-sekolah kejuruan bagi tukang-tukang kayu dan juru-juru elektrik dan sebuah maktab sains rumahtangga.

Peringatan:

Sejarah ini dipetik daripada buku: "World Muslim Gazetteer" Yang diterbitkan oleh Umma Publishing House Karachi - Pakistan bagi pihak Muktamar Al-'Alam Al-Islami.



Kawasan "Raouche" Beirut – gambar diambil dari udara.